

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]
TARIKH : 15 NOVEMBER 2021**

SOALAN

TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan jenis bantuan yang disediakan Kementerian kepada nelayan pantai di Sabah khususnya nelayan di Parlimen Papar sejak pandemik COVID-19 sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sememangnya prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan pesisir pantai khususnya semasa pandemik Covid-19. Pelbagai bentuk bantuan disediakan dan diberikan kepada nelayan yang terjejas khususnya nelayan di Parlimen Papar. Antaranya ialah:

- i. Bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) berjumlah RM300.00 sebulan. Sehingga September 2021, seramai 310 orang nelayan di Papar telah menerima ESHN dengan nilai RM763,263.20;
- ii. Subsidi Minyak Diesel dan Petrol bagi menampung sebahagian dari kos operasi penangkapan ikan nelayan akibat dari kenaikan harga bahan api di pasaran. Seramai 251 pemilik vesel di Papar menerima manfaat ini sehingga September 2021 dengan jumlah minyak subsidi petrol yang telah disalurkan sebanyak 316,588 liter;
- iii. Bantuan Sabah Prihatin secara *one-off* sebanyak RM300.00. Bantuan ini telah diagihkan sebanyak 3 siri dengan jumlah RM900.00 seorang dan seramai 704 orang nelayan telah menerima bantuan ini;
- iv. Skim Perlindungan Nelayan diperkenalkan bertujuan untuk membela nasib keluarga nelayan sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini atau kemalangan yang melibatkan nelayan. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mencarumkan nelayan di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan caruman tahunan sejumlah RM157.20. Data sehingga September 2021 merekodkan seramai 349 orang nelayan di Papar yang dicarumkan dengan nilai sebanyak RM54,862.80;

SOALAN NO : 27

- v. Bantuan Bencana Alam adalah bantuan dan sumbangan segera dalam bentuk kewangan kepada nelayan yang mengalami kemalangan, kemusnahan atau kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa bagi meringankan beban mangsa dan keluarga. Bagi tahun 2021, seramai 19 orang penerima bantuan telah direkodkan dengan nilai bantuan sejumlah RM15,500.00;
- vi. Program Dana Nelayan bagi membantu menyediakan pinjaman mudah bagi pembelian bot dan peralatan baru atau meningkatkan keupayaan bot sedia ada. Seramai 429 penerima bantuan direkodkan di seluruh Negeri Sabah melibatkan peruntukan sebanyak RM4.2 juta. Seramai 99 penerima adalah daripada daerah Papar dengan nilai sebanyak RM990,000.00;
- vii. Bantuan bekalan makanan (*food basket*) untuk membantu meringankan beban yang dihadapi oleh golongan nelayan di daerah Papar yang terkesan dengan wabak pandemik Covid-19. Seramai 220 penerima bantuan di daerah Papar telah direkodkan sehingga September 2021 dengan nilai RM22,000.00;
- viii. Program Pembangunan Pelan Peningkatan Pendapatan Golongan B40: Nelayan Melalui Projek Tanaman Kontan melibatkan insentif *in-kind* yang diberikan kepada peserta dalam bentuk input pertanian, tenaga kerja, latihan dan khidmat nasihat teknikal serta elemen pemasaran hasil pertanian. Penerima bantuan daripada daerah Papar adalah seramai 20 orang dengan nilai bantuan sebanyak RM20,000.00;
- ix. Pembinaan unjam-unjam dan tukun tiruan bagi menambah sumber perikanan dan meningkatkan lokasi-lokasi tangkapan ikan khusus kepada nelayan tradisi dan persisiran pantai. Kementerian melaksanakan projek pembinaan unjam-unjam di pesisir perairan Papar melibatkan tiga (3) lokasi dengan nilai peruntukan sebanyak RM1,500,000.00 (Peruntukan pampasan daripada SOGT). Lokasi tersebut adalah seperti berikut:

SOALAN NO : 27

- i) Kuala Papar - 1,500 Unit / Jenis Kuboid
 - ii) Beringis - 1,500 Unit / Jenis Kuboid
 - iii) Pengalat - 1,500 Unit / Jenis Kubiod
- x. Program Pengembangan dan Perkhidmatan Perikanan Marin yang menawarkan pelbagai khidmat nasihat, kursus dan latihan in-situ kepada nelayan-nelayan melalui program bimbingan nelayan; dan
- xi. Projek Pembangunan Hiliran Perikanan yang mensasarkan kepada pemprosesan berasaskan produk perikanan dan memberikan bantuan dalam bentuk peralatan pemprosesan, khidmat nasihat dan teknikal terutamanya kepada isteri-isteri para nelayan.

Sekian, terima kasih.